

## Tingkatkan usaha pengurusan berisiko berkaitan iklim

**KUALA LUMPUR:** Kalangan pengurus bank bertauliah merupakan golongan penting dalam inisiatif kewangan masing-masing untuk menyokong inisiatif Bank Negara Malaysia (BNM) memperkukuh kapasiti sektor ini dalam menguruskan risiko berkaitan iklim dan membangunkan kemampuan yang lebih teguh.

Menurut Institut Pengurus Bank Berkanun Asja (AIB), ia merangkumi langkah termasuk analisis berkaitan iklim ke dalam keupayaan teras seperti portfolo pelaburan, analisis kredit, kecukupan modal, pembangunan produk dan perkhidmatan pelaburan baharu, pengurusan risiko serta pengurusan kesinambungan perniagaan.

Menarik data BNM, pada November 2019, kira-kira 11.7 peratus daripada aset yang dimiliki oleh peserta kewangan di Malaysia berada dalam sek-

tor yang berpolensi terdedah kepada perubahan iklim, jelasnya dalam kenyataan pada Sabtu.

Pengurus AIB, Tan Sri Azman Hashim berkata, pihaknya menyalakan kalangan bank memperingkatkan usaha mereka, membangunkan alat analisis dan pendekatan baharu untuk menyepadukan pengurusan risiko iklim dalam lingkungan bank masing-masing.

"Pengurus bank bertauliah boleh memainkan peranan penting untuk memacu inisiatif ini yang akan memperkukuh daya tahan bank dan meningkatkan maklumat pembangunan mampan negara," katanya.

Beliau berkata, bank-bank perlu kekal fokus dan komited terhadap beberapa agenda alam sekitar, sosial dan tadbeirus (ESG) yang lebih luas dan sekiranya perlu bank seharusnya mula melakukan inisiatif tambahan.

"Justeru, pembangunan kapasiti kekal penting untuk membangunkan pegawai bank profesional dengan pemikiran, kemahiran dan kompetensi yang betul sekiranya akan menyuburkan lagi budaya etika yang kukuh dan menyokong agenda kemampanan," katanya.

Ketua Bakuif AIB, Edward Ling pula berkata, befondasikan asas etika dan profesionalisme yang teguh, program Chartered Banker yang diiktiraf global dapat melengkapkan pengurus bank dengan pengetahuan yang luas dan kepakaran profesional berkaitan perbankan.

Ia juga akan mempromosikan mesraka untuk melakukan penilaian tepat salah membuat keputusan yang baik untuk memajukan kejayaan perniagaan sektor ini kepada industri yang bertanggungjawab dan mampan, katanya.

Azman dan Ling berkata,

demikian semasa menyampaikan ucapan pada majlis penganugerahan Chartered Banker kali keempat oleh AIB yang diadakan secara maya.

AIB menganugerahkan status Chartered Banker itu kepada 276 pengurus bank.

Program Chartered Banker berkenaan dianjurkan oleh Institut Chartered Banker Institute, United

Kingdom, satu-satunya institut di dunia yang boleh memberikan status tersebut.

AIB kini mempunyai 511 pengurus bank bertauliah, meningkat 49.6 peratus berbanding pada 2019.

Di samping itu, terdapat lebih 900 pegawai bank yang sedang mengikut pelbagai peringkat kemajuan program Chartered Banker.

Ahli Majlis AIB turut hadir pada majlis itu. — Bernama



PENGERUSI AIB, Tan Sri Azman Hashim